

PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERASASKAN TEMPAT KERJA (WORK BASED LEARNING): PERSPEKTIF INDUSTRI YANG TERLIBAT

Abdul Rasid Abdul Razzaq, Mohamad Zaid Mustafa, Mohd Yusop Hadi, Jamalludin Hashim, Ahmad Rizal Madar & Farah Syahida bt Mohd Kamal

Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ABSTRAK

Program Work Based Learning (WBL) di kolej komuniti merupakan satu program pembelajaran yang berteraskan situasi kerja sebenar atau hands-on yang melibatkan industri. Seharusnya pihak industri perlu melibatkan diri secara aktif dalam program ini yang bertindak sebagai pemangkin dan menyediakan platform bagi memastikan kelancaran dan kejayaan program WBL namun penglibatan pihak industri masih kurang dari yang diharapkan. Justeru, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti motivasi utama penglibatan industri, saiz industri yang terlibat, perbezaan antara motivasi industri dengan saiz industri dan cabaran yang dihadapi oleh industri sepanjang proses kerjasama ini. Kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai perantara. Menggunakan sampel rawak mudah 60 buah syarikat telah dipilih sebagai sampel kajian yang terdiri daripada syarikat yang telah terlibat dalam program WBL selama ini. Perisian SPSS 15.0 yang menggunakan analisis deskriptif dan inferensi iaitu kaedah Regresi Pelbagai, Frekuensi, Ujian T Tidak Bersandar dan Skor Min digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Hasil kajian mendapati industri bersetuju bahawa penambahbaikan suasana kerja menjadi motivasi utama untuk terlibat dan keselamatan pelajar semasa menjalani latihan menjadi cabaran penglibatan yang tertinggi dalam program WBL. Industri yang bersaiz kecil lebih berminat untuk terlibat dalam program WBL. Ujian T tidak Bersandar pula menunjukkan terdapat perbezaan antara industri kecil dan industri besar dengan motivasi penglibatan industri. Sehubungan dengan keputusan kajian yang telah diperolehi, diharapkan semua pihak yang terlibat dapat mengatur strategi dan memainkan peranan untuk menggalakkan lagi industri-industri lain menyertai program WBL dan memastikan industri yang telah terlibat masih melibatkan diri seterusnya menjayakan program tersebut demi melahirkan tenaga kerja separa mahir dan mahir yang memenuhi kehendak industri.

PENGENALAN

Penubuhan kolej komuniti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah menyediakan peluang pendidikan formal khususnya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan keperluan latihan disemua peringkat. Lebih banyak kolej komuniti sedang dan akan dibina secara berfasa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi membuka lebih banyak peluang kepada masyarakat setempat untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran selaras dengan objektif penubuhan kolej komuniti (Bahagian Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2008).

Matlamat kolej komuniti adalah meningkatkan akses dan ekuiti serta mengatasi masalah yang dihadapi. Bagi mencapai tujuan tersebut pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan seperti mengumpulkan segala maklumat tentang perkembangan kurikulum, menempatkan pelajar untuk latihan industri selama satu semester, menghantar staf menghadiri kursus, lawatan industri dan kerjasama berterusan secara kolaboratif di antara kolej komuniti dengan industri yang terlibat (Abdul Rahim, 2007).

Kolej komuniti juga setanding dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) negara dalam menyalurkan ilmu kepada segenap lapisan masyarakat. Jika dilihat pada tahun 1997 iaitu sebanyak 317 000 yang menduduki SPM dan Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 219 000 atau 51 peratus lulus SPM dan SPMV. Tidak semua mampu meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Institusi pendidikan dan latihan sedia ada hanya dapat menampung sebanyak 158 000 yang mengambil SPM dan SPMV dan ramai yang tidak berpeluang melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi jelas Ketua Pengarah Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti Dato' Hj Imran Idris.

Kolej komuniti telah diamanahkan menjadi salah sebuah komuniti pendidikan yang berkeupayaan melahirkan sumber tenaga manusia bagi keperluan negara menerusi konsep pembelajaran sepanjang hayat, pendidikan berterusan dan sebagainya. Tujuan sebenar kolej komuniti sebenar adalah menyediakan ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Pada 2 Februari 2007, Penjenamaan Semula Kolej Komuniti telah dilancarkan oleh Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan mengarahkan semua institusi pendidikan dan latihan untuk memperbaiki kualiti pengajaran, pembelajaran dan latihan dalam usaha melahirkan lebih ramai tenaga kerja untuk memenuhi pasaran kerja.

Terdapat beberapa elemen yang diterapkan dalam penjenamaan semula kolej komuniti. Elemen yang pertama adalah penawaran kursus diploma iaitu program dual sistem dengan penekanan kepada *work based learning* (WBL). Dalam program WBL para pelajar akan diberi elaun di bawah skim pemberian elaun untuk menampung perbelanjaan semasa pelajar-pelajar yang merupakan elemen kedua dalam penjenamaan semula kolej komuniti. Elemen ketiga yang wujud dalam penjenamaan semula kolej komuniti ialah penubuhan kolej komuniti baru dan kolej komuniti cawangan di seluruh Malaysia bagi menampung pelajar-pelajar agar tidak tercicir dari mendapatkan pelajaran dan

kemahiran. Elemen yang seterusnya iaitu yang keempat adalah wujudnya kerjasama antara kolej komuniti dan syarikat swasta yang akan menempatkan pelajar-pelajar untuk latihan staf, latihan pelajar dan peluang pekerjaan. Penubuhan unit promosi dan pemasaran bahagian kolej komuniti merupakan elemen yang terakhir dalam penjenamaan semula kolej komuniti sebagai unit yang mempertingkatkan aktiviti promosi dan pemasaran mengenai perkhidmatan pendidikan yang ditawarkan.

LATAR BELAKANG MASALAH

Pendidikan tertiar dalam konteks sistem pendidikan kebangsaan adalah pendidikan selepas pendidikan menengah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Pendidikan pada peringkat ini merangkumi program pendidikan di kolej komuniti, politeknik, institusi latihan yang dikendalikan oleh agensi kerajaan dan swasta, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Pendidikan tertiar merupakan pemangkin utama penjana sumber tenaga manusia yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan bagi memenuhi keperluan mencapai wawasan negara. Ia juga harus berupaya membangunkan minda yang kritis, kreatif dan inovatif serta dapat memajukan masyarakat dan negara dalam persaingan global (Pendidikan, 2000). Quek (2005) pula berpendapat skop pendidikan institusi pengajian tinggi di beberapa buah negara di Amerika, Eropah dan Asia-Pasifik termasuk Malaysia dikatakan terlalu menekankan soal pencapaian akademik pelajar dan kurikulum yang tidak menepati keperluan kerjaya dan kursus-kursus yang ditawarkan kurang memberi penekanan terhadap aspek latihan yang dapat memenuhi keperluan pekerjaan. Soo Wee Leng dan Juma'ayah (1997) mendapati kurikulum yang ditawarkan oleh institusi vokasional tidak mengikut permintaan pasaran industri yang mengakibatkan kemahiran lepasan vokasional tidak memenuhi keperluan pihak industri. Ini bermakna institusi pendidikan vokasional tidak menjurus kepada pasaran kerja. Maka timbul masalah di kalangan pelajar-pelajar yang tidak dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dengan keperluan pekerjaannya dan tidak dapat menyesuaikan diri di alam pekerjaan baru. Oleh yang demikian program WBL diwujudkan bagi memenuhi kurikulum yang memenuhi keperluan kerjaya dan pihak industri.

Program WBL dilaksanakan kepada semua lulusan kolej komuniti untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma. Peluang ini diberikan dengan mengambil kira pencapaian akademik pelajar termasuk pengalaman kerja selepas tamat pengajian peringkat sijil. Tempoh program diploma ini ialah dengan minimum 3 semester dan maksimum 6 semester. Pelajar dikehendaki menjalani latihan di syarikat selama dua semester dalam bentuk teori dan praktikal atau secara WBL selama satu semester di kolej komuniti. WBL melibatkan semester 5 dan 6 di mana pelajar yang mengikuti program ini akan mendapat pengalaman kerja sebenar di tempat kerja untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Pada semester 7 pelajar-pelajar dikehendaki kembali meneruskan pengajian di kolej komuniti dengan mengambil beberapa modul untuk mengukuhkan komponen akademik dalam bidang berkaitan (Bahagian Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2008).

Proses WBL merupakan proses pembelajaran yang merangkumi pengalaman bekerja dan para pelajar perlu melalui proses pembelajaran di institusi dan menimba pengalaman serta aplikasi kemahiran di industri yang berkaitan dengan apa yang diperlukan di alam kerja sebenar (*Winsconsin Department of Public Instruction, 2007*). Program WBL melibatkan kursus-kursus diploma yang telah dilaksanakan pada Julai 2007 ialah Diploma Teknologi Automotif, Diploma Hotel dan Katering, Diploma Fesyen dan Apanel, Diploma Teknologi Elektrik dan Diploma Teknologi Komputer. Sebanyak 11 buah kolej komuniti terlibat bagi tujuan penawaran diploma peringkat pertama ini. Pada Julai 2008 pula 5 diploma yang telah dilaksanakan pada Julai 2007 akan diteruskan dengan 7 buah kolej baru menawarkan tempat disamping kolej yang sedia ada dan terdapat 6 kursus baru diperkenalkan iaitu Diploma Teknologi Senibina, Diploma Teknologi Pengiklanan, Diploma Penyelenggaraan Fasilitas, Diploma Teknologi Pemprosesan Makanan, Diploma Pelancungan dan Pengembaraan dan Diploma Perakaunan Perniagaan. Sebanyak 11 buah kolej terlibat bagi tujuan penawaran diploma peringkat pertama dan ini menjadikan 29 buah kolej terlibat dalam penawaran diploma kolej komuniti peringkat kedua.

Perlaksanaan program WBL di peringkat industri memerlukan kerjasama daripada industri dan ia bukanlah perkara yang mudah. Akta *School to Work Opportunities, 1994* mendapati bahawa tiga majikan daripada dua belas program yang dijalankan mempunyai masalah untuk melatih pelajar berbanding pekerja dan lima daripadanya mengalami masalah berkaitan menyediakan tempat untuk pelajar WBL (Bailey dan Hughes, 1999) namun syarikat tetap berminat untuk bekerjasama. Walau bagaimanapun Crutis (1986) mendapati kerjasama antara industri dengan institusi pendidikan dalam merancang program pendidikan adalah di tahap minima. Pihak industri sebagai pengguna tenaga kerja perlu bekerjasama bagi mengenal pasti latihan-latihan kemahiran yang diperlukan. Dengan adanya perhubungan ini program-program pendidikan vokasional menjadi lebih berkaitan terhadap kehendak industri.

Berdasarkan kajian tinjauan luar negara, Deissinger (2001) dan Kraemer (1993) sistem dual yang berbentuk latihan vokasional merupakan sebuah program kerjasama antara agensi kerajaan dan industri serta sebahagian daripada sistem pembelajaran di Jerman yang berjaya menyediakan peluang pekerjaan untuk anak-anak muda di sana. Senario ini telah dibuktikan bahawa hanya 4.5 peratus sahaja pengangguran di kalangan anak muda di Jerman yang juga merupakan negara kedua terendah berdasarkan data yang diperolehi dari Eurostate pada 1990. Berdasarkan kejayaan yang dicapai, kolej komuniti telah mengambil langkah yang sama berikutan hasil kajian kebolehan bekerja graduan oleh Bank Negara seperti yang dinyatakan oleh Noor Azlan Muhamad (2003) yang mendapati kebanyakan graduan institusi tempatan tidak memiliki kemahiran kerja yang diperlukan pasaran dan seolah-olah wujud ketidaksepadanan dalam penyediaan graduan untuk pasaran kerja tempatan. Natiujahnya kolej komuniti turut melaksanakan sistem dual menerusi program WBL seperti yang disyorkan oleh Anuar (2007) untuk melahirkan lulusan yang mempunyai ilmu pengetahuan, berkemahiran dan kebolehpasaran yang tinggi yang berasaskan keperluan industri.

Di Jerman di mana negara yang mengamalkan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang juga menyerupai WBL, pihak industrinya amat aktif dan bekerjasama secara rapat dengan agensi kerajaan untuk memantap dan menetapkan keperluan program tersebut. Walaupun sistem yang dijalankan berjaya di Jerman tidak semestinya berjaya juga dijalankan di negara lain. Terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa sistem pembelajaran tersebut telah berjaya diadaptasikan dan dilaksanakan di negara-negara seperti India, Peru dan Brazil (Kraemer, 1993). Berlainan sambutan yang diberikan oleh pihak industri di Malaysia, walaupun telah dilaksanakan sejak 2005 namun penglibatan industri menunjukkan tiada penambahan (Loose dan Abdul Hakim Juri, 2008) dari tahun ia dilaksanakan. Selain dari itu dalam pameran Expo Sains dan Teknologi (S & T) kerjasama Kementerian Sains dan Teknologi didapati hubungan institusi-industri yang amat sangat diharapkan tidaklah begitu menggalakkan (Hussain, Kamarulafizam dan Mohd Najeb, 2006).

Berbeza di Perancis, cabaran utama di sana bukan untuk meyakinkan syarikat-syarikat untuk menyertai dalam program WBL dan melatih pekerja berkemahiran, tetapi adalah untuk meyakinkan belia-belia dan keluarga-keluarga bahawa latihan perantisan adalah satu permulaan kepada kehidupan anak-anak mereka (Culpepper, 1998). Penyelidik merumuskan melalui kajian oleh Culpepper bahawa di Perancis pihak industri amat prihatin dan memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam melahirkan pelajar ataupun pekerja mahir demi kepentingan bersama dan ini merupakan motivasi utama penyumbang dalam kejayaan program kerjasama tersebut. Di Kanada kapasiti latihan ditentukan oleh pihak industri yang terlibat dan bukan ditentukan oleh kolej atau institusi pendidikan yang menawarkan latihan tersebut. Pembelajaran di tempat kerja seharusnya menyediakan kemudahan yang boleh diguna pakai oleh pelajar dalam melatih penggunaan ilmu yang telah dipelajari (Lehmann, 2000). Didapati bahawa kejayaan program yang berlaku di Kanada menunjukkan bahawa pihak industri memberikan kerjasama yang baik dan membantu dalam program tersebut. Jackson (2008) mengemukakan di dalam kajian yang telah dijalankan oleh beliau di United Kingdom bahawa pihak industri memandang serius terhadap program kerjasama yang melibatkan pihak mereka dan institusi pendidikan. Mereka sanggup memainkan peranan penting dalam membangunkan taraf pendidikan dan seterusnya melahirkan pekerja yang memenuhi kehendak industri. Berdasarkan kajian kejayaan sesebuah program bergantung kepada penglibatan pihak yang terlibat dalam kerjasama tersebut.

Penglibatan industri amat penting dalam menentukan kejayaan WBL namun pihak industri belum cukup memainkan peranan mereka. Hal ini terbukti apabila hanya terdapat sebanyak 70 buah industri sahaja yang menawarkan diri untuk bekerjasama dengan kolej komuniti sejak ia dilaksanakan pada Julai 2007 (Bahagian Politeknik dan Kolej Komuniti, 2008). Dalam program WBL pelajar sangat memerlukan kemahiran untuk meningkatkan kebolehpasaran dan menyesuaikan diri di alam pekerjaan justeru kerjasama pihak industri amatlah diperlukan. Sehubungan dengan itu kajian dilakukan adalah untuk mengkaji penglibatan industri dalam program WBL.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif yang telah dikenal pasti oleh penyelidik di dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengetahui motivasi utama penglibatan industri dalam program WBL.
- ii. Mengetahui saiz industri yang terlibat dalam program WBL.
- iii. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi utama penglibatan industri kecil dengan industri besar dalam program WBL.
- iv. Mengetahui cabaran penglibatan industri dalam program WBL.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah penyelidikan deskriptif jenis tinjauan. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), kaedah tinjauan merupakan kaedah pengambilan data dalam satu masa sahaja, dan selalunya menggunakan soal selidik. Khalid Johari (2004) juga menyatakan bahawa penggunaan instrumen soal selidik berupaya mengumpul data secara terperinci, tersusun dan berpiawai.

Kaedah ini sesuai dan lebih praktikal untuk mendapatkan maklum balas dari responden bagi memperolehi motivasi utama penglibatan industri dalam program WBL. Data-data kajian dari majikan industri sebahagiannya diperolehi melalui pos, *email*, faks dan sebahagian lagi dikumpul sendiri oleh penyelidik di lokasi kajian yang dijalankan. Jadual 1 menunjukkan ringkasan bagi metodologi yang digunakan dalam kajian ini manakala Jadual 2 menunjukkan kaedah penganalisan data berdasarkan kepada persoalan kajian.

ANALISIS DATA

Jadual 2: Analisis data bagi setiap objektif kajian

Objekti 1	Statistik Inferensi	Regresi Pelbagai - Bahagian B (Motivasi Penglibatan)
Objektif 2	Statistik Deskriptif	Frekuensi dan Peratusan - Bahagian A (Maklumat Syarikat)
Objektif 3	Statistik Inferensi	Ujian-t Tidak Bersandar - Bahagian B (Saiz Industri vs Motivasi Penglibatan)
Objektif 4	Statistik Inferensi	Skor Min - Bahagian C (Cabaran Penglibatan Industri)

DAPATAN KAJIAN

Jadual 3: Ringkasan Model

Model	R	R Square	Adjusted R Square
1	0.441	0.195	0.181
2	0.586	0.344	0.321

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig
1	<i>Regresion</i>	2.285	1	2.285	14.025	0.000
	<i>Residual</i>	9.449	58	0.163		
	<i>Total</i>	11.733	59			
2	<i>Regresion</i>	4.032	2	2.016	14.922	0.000
	<i>Residual</i>	7.701	57	0.135		
	<i>Total</i>	11.733	59			

Jadual 4: Anova

Model		B	Std. Error	Beta	t	Sig
1	<i>Constant</i>	2.615	0.364		7.187	0.000
	Suasana	-0.63	0.017	-0.441	-3.745	0.000
2	<i>Constant</i>	2.205	0.350		6.292	0.000
	Suasana	-.102	0.019	-0.707	-5.247	0.000
	Ekonomi	0.82	0.023	0.469	3.569	0.001

Jadual 5: Koefisien

Analisis ini adalah bagi mengetahui motivasi utama penglibatan industri dalam program WBL. Bagi menjawab persoalan di atas, regresi pelbagai telah digunakan. Regresi pelbagai digunakan untuk mengenal pasti perubahan dalam dua atau lebih motivasi yang menyumbang kepada perubahan dalam suatu pembolehubah bersandar. Bahagian ini mengambil kira indikator dalam motivasi penglibatan sesebuah industri dalam program WBL yang terdiri daripada motivasi *philantrophy*, penambahbaikan suasana kerja, kepentingan industri, ekonomi dan hubungan industri dengan kolej komuniti. Dua pembolehubah bagi motivasi penglibatan industri yang tersenarai merupakan pembolehubah yang menjadi motivasi dominan yang menyebabkan industri ingin melibatkan diri. Daripada lima motivasi yang disenaraikan dari kajian

literatur yang diperolehi namun hanya terdapat dua pembolehubah yang amat menyumbang dalam penglibatan industri. Dua pembolehubah yang termasuk dalam motivasi yang menyumbang ialah motivasi penambahbaikan suasana kerja dan ekonomi. Jadual 3 merupakan ringkasan model untuk analisis regresi pelbagai dan nilai R mewakili kolerasi antara saiz industri dengan suasana sebanyak 0.441, kolerasi antara saiz industri dan kombinasi linear antara penambahbaikan suasana kerja dan ekonomi ialah 0.586. Nilai R^2 sebanyak 0.195 menunjukkan 19.5% perubahan dalam motivasi penglibatan adalah disebabkan oleh perubahan dalam penambahbaikan suasana kerja. Kombinasi penambahbaikan suasana kerja dan ekonomi menyumbang sebanyak (34.4-19.5)% iaitu 14.9%.

Jadual 4 merupakan jadual Anova yang mewakili nilai ujian F dan nilai signifikan. Keputusan ujian F sebanyak 14.025 menunjukkan bahawa terdapat perhubungan antara kedua-dua pembolehubah iaitu penambahbaikan suasana kerja dan ekonomi dengan saiz industri pada aras signifikan $p < 0.05$. Kedua-dua pembolehubah menyatakan bahawa item penambahbaikan suasana kerja dan ekonomi adalah signifikan. Jadual 5 merupakan jadual koefisien bagi regresi pelbagai. Nilai yang terdapat dalam koefisien adalah terdiri daripada nilai beta, t dan signifikan. Dapatan regresi pelbagai menunjukkan bahawa motivasi penambahbaikan suasana kerja dan ekonomi mencatat motivasi yang tertinggi. B konstan adalah 2.205 dan B untuk suasana merupakan -0.102 yang menunjukkan hubungan yang negatif antara motivasi dengan saiz industri manakala B untuk ekonomi pula sebanyak 0.82 yang membawa hubungan yang positif. Namun beta dalam jadual koefisien menunjukkan jika terdapat perubahan dalam pembolehubah walaupun perubahan satu sisihan piawai nilai untuk penambahbaikan suasana berubah kepada -0.707 dan ekonomi ialah 0.469. Jika nilai signifikan tidak melebihi 0.01 maka motivasi tersebut merupakan motivasi yang lebih baik daripada menggunakan nilai min bagi motivasi yang menyumbang.

PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan motivasi utama penglibatan industri adalah penambahbaikan suasana kerja. Penambahbaikan suasana kerja dapat diertikan dalam konteks kajian ini adalah kehadiran pelajar-pelajar WBL yang menjalankan latihan industri selama setahun dan ini mewujudkan suasana baru di mana pekerja-pekerja akan menunjukkan komitmen terhadap tugas. Ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Campbell (2002) yang mendefinisikan penambahbaikan suasana kerja adalah pengaruh yang dibawa oleh pelajar-pelajar ke tempat kerja dan menjadikannya sebuah tempat kerja yang mempunyai suasana kerja yang efektif. Dengan kehadiran pelajar di dalam industri pekerja-pekerja dengan sendirinya akan menunjukkan sikap seorang pekerja yang bertanggungjawab, efisien dengan tugas dan bantu-membantu dalam melaksanakan kerja. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan komitmen pekerja dan seterusnya juga dapat mengembalikan semangat untuk bekerja. Hasil dapatan selari dengan kajian yang dibuat oleh Kazis dan Goldberger (1995) yang menyatakan bahawa, kehadiran pelajar-pelajar di tempat kerja dapat memotivasikan pekerja yang sedia ada dan dapat meningkatkan kualiti dan memberi latihan terhadap pekerja dan pelajar. Kajian Kazis dan Goldberger yang juga

turut disokong oleh Klein (1995) yang juga menyatakan bahawa kehadiran pelajar dapat memotivasikan pekerja di industri.

Kaedah yang digunakan dalam program WBL yang memerlukan setiap pelajar mempunyai penyelia di industri dan ini bermakna sebahagian pekerja yang dilantik untuk menjadi penyelia diberi mandat untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran berbentuk pengalaman bekerja. Ini dapat meningkatkan kebolehpasaran pelajar WBL dan menjadi seorang calon pekerja yang akan memenuhi kehendak industri kerana telah merasai pengalaman dan suasana bekerja di industri. Keistimewaan ini dapat membantu pelajar WBL untuk bersaing dalam mendapatkan pekerjaan. Semasa program WBL juga, pelajar dapat mengenal pasti bahawa ilmu akademik amat berguna dalam kehidupan mereka dan ini merupakan satu insentif kepada pelajar untuk belajar dengan lebih tekun. Namun kepada pelajar yang kurang dari segi akademik secara tidak langsung mereka mempunyai keyakinan diri yang rendah. Pernyataan ini dipersetujui oleh Bailey, Hughes dan Moore (1999) bahawa kepada pelajar yang kurang berjaya dalam akademik secara psikologinya akan mengakibatkan keyakinan diri yang rendah berkenaan keupayaan diri sendiri maka dengan menjalani program WBL iaitu pelajaran melalui pengalaman akan dapat meningkatkan akademik pelajar.

Yahya (2008) turut bersetuju bahawa pelajar seharusnya didedahkan dengan suasana kerja di industri di mana ia dapat diaplikasikan semasa menjalani latihan amali. Penambahbaikan suasana tempat kerja juga berlaku apabila hadirnya orang baru dalam sesebuah komuniti justeru apabila wujud suasana baru ia turut juga menyumbang ke arah perubahan yang positif serta peningkatan moral pekerja-pekerja lebih disenaraikan sebagai motivasi utama yang diperolehi oleh beberapa industri dengan pengambilan pelajar-pelajar berkenaan.

Hasil dapatan ini juga sejajar dengan kajian Metzger (2002) yang turut menegaskan bahawa 67.7% sampel yang bersetuju dan sangat bersetuju bahawa pelajar-pelajar yang menjalani latihan di industri dapat meningkatkan kualiti pekerja. Motivasi ini juga disenaraikan oleh 9% industri bahawa motivasi penglibatan industri dalam kerjasama ini adalah dengan peningkatan terhadap komitmen dan tanggungjawab dari pekerja-pekerja. Pekerja-pekerja juga akan bermotivasi, dapat menaikkan semangat dan keyakinan pekerja, meningkatkan moral dan komitmen dalam pembangunan pekerja-pekerja (Glass, *et al.*, 2002).

Namun begitu, dalam kajian di Amerika Industri oleh Bailey dan Hughes (1999), lebih dari setengah industri yang terlibat dalam program WBL menyatakan bahawa motivasi *philanthropy* menjadi motivasi utama industri tersebut mengambil bahagian dalam program kerjasama yang diadakan. Bailey dan Hugges (1999) dan juga kajian oleh Green (2005) tidak bersetuju untuk meletakkan motivasi penambahbaikan suasana kerja sebagai motivasi utama penglibatan industri. Perbezaan yang diperolehi daripada hasil kajian yang dijalankan dapat disimpulkan bahawa wujud pendapat yang berbeza daripada industri yang menyertai program WBL di Malaysia dan juga di Amerika Industri. Ini adalah disebabkan keperihatinan industri di Amerika Industri dalam kajian

yang telah dibuat oleh Bailey dan Hughes (1999) yang menyatakan bahawa industri yang terlibat lebih mengambil berat tentang kekurangan kemahiran asas (hampir 27 peratus industri yang menyenaraikannya sebagai motivasi terbesar) berbanding di Malaysia.

Hasil kajian ini yang mendapati industri kecil lebih berminat adalah sama seperti mana yang telah dinyatakan Harvie dan Lee (2002). Dapatan mereka mendapati bahawa industri kecil menjadi penyumbang utama pertumbuhan ekonomi di hampir kebanyakan negara anggota *Asia Pacific Economic Cooperation* (APEC) dan *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD). Selain itu peranan industri kecil sebagai penyumbang utama perkembangan ekonomi Malaysia telah dikaji secara mendalam oleh Ismail Mohd Salleh (1989). Kajian Ismail yang meliputi perkembangan ekonomi, penawaran tenaga kerja dan masalah yang timbul dalam memperluaskan industri kecil di Malaysia. Namun dapatan bahawa industri kecil mengatasi industri besar bertentangan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Bailey dan Hughes (1999). Kajian mereka menunjukkan bahawa saiz firma yang besar lebih banyak menyediakan peluang dan menyertai program kerjasama seperti WBL berbanding firma yang saiznya lebih kecil. Green (2005) dalam kajian beliau juga menyokong pernyataan Bailey dan Hughes dengan memperolehi bahawa saiz firma merupakan penentu terbesar dan menyediakan lebih banyak peluang seperti program WBL.

Hasil dapatan daripada Ujian-t yang dilakukan ke atas kedua-dua saiz industri iaitu industri kecil dan industri besar telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara saiz industri dengan motivasi penambahbaikan suasana kerja. Hasil dapatan kajian menunjukkan industri kecil lebih bersetuju bahawa penambahbaikan suasana kerja yang menggalakkan mereka untuk menyertai kerjasama ini berbanding industri besar. Melalui kajian oleh Yahya (2008) bersetuju bahawa pelajar seharusnya didedahkan dengan suasana kerja di industri di mana ia dapat diaplikasikan semasa menjalani latihan amali. Namun kajian ini tidak selari dengan kajian yang telah dilakukan oleh kajian Green (2005). Dalam kajian beliau tidak bersetuju untuk meletakkan motivasi penambahbaikan suasana kerja sebagai motivasi utama penglibatan industri dan ini kajian ini dipersetujui oleh Bailey dan Hughes (1999). Kajian mereka mendapati bahawa lebih dari setengah industri yang terlibat dalam program WBL menyatakan bahawa motivasi *philanthropy* menjadi motivasi utama industri tersebut mengambil bahagian dalam program kerjasama yang diadakan. Ini menunjukkan wujud perbezaan di antara saiz industri dengan motivasi penambahbaikan suasana kerja. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara saiz industri dengan motivasi ekonomi. Ini menunjukkan kedua-dua buah industri bersetuju bahawa ekonomi menjadi motivasi mengapa sesebuah industri ingin melibatkan diri dalam program WBL yang sejajar dengan kajian oleh Campbell (2002) bahawa pengambilan pelajar-pelajar program WBL merupakan sumber pekerja sambilan paling ideal untuk memenuhi atau menggantikan pekerja-pekerj.

Dapatan kajian berkenaan motivasi utama penglibatan industri yang merupakan penambahbaikan suasana kerja terdorong oleh pemilihan industri kecil yang mementingkan suasana kerja sebagai motivasi utama penglibatan industri

dalam program WBL. Perbezaan yang berlaku berkaitan motivasi penambahbaikan suasana kerja disebabkan oleh bilangan industri besar yang kurang daripada setengah dari jumlah industri maka ia dipengaruhi oleh pemilihan yang dibuat oleh industri kecil. Pada dasarnya motivasi ini turut diakui menjadi salah satu motivasi yang menggalakkan industri namun bukan pada industri besar kerana sebuah industri besar kadang-kadang tidak dapat memberikan pelajar pengalaman untuk merasai keadaan bekerja sebenar. Ini disebabkan oleh jumlah pekerja yang melebihi 250 pekerja seperti yang didefinisikan oleh *Department of Trade and Industri* (DTI) mengkategorikan industri kecil dan sederhana mempunyai pekerja yang kurang dari 250 orang pekerja manakala industri bersaiz besar yang mempunyai pekerja lebih dari 250 orang (Martin, 2004). Pada industri kecil selain dari menyahut usaha kerajaan dan kementerian yang berkenaan untuk menghasilkan sumber tenaga kerja separa mahir mereka juga dapat memberi pengalaman kepada pelajar mengenai kehidupan sebenar pekerja serta ilmu yang tidak dapat diperolehi dari mana-mana buku mahupun kolej komuniti. Dalam pada itu industri dapat memastikan pelajar dapat menyelesaikan modul yang perlu dipelajari dalam masa yang ditetapkan. Jika kita berada di dalam sekumpulan minoriti kita dapat mengenali keseluruhan komuniti begitu juga dalam komuniti kerja kecil.

Dalam melaksanakan sesuatu kerja, kita tidak dapat lari menghadapi pelbagai cabaran yang sedikit sebanyak telah mengganggu kelancaran sesuatu kerja yang dilaksanakan. Begitu juga bagi industri yang terlibat dalam program WBL mereka juga menghadapi pelbagai cabaran tertentu.

Hasil daripada kajian mendapati industri telah bersetuju bahawa wujud cabaran terhadap pihak industri semasa melatih pelajar-pelajar kolej komuniti yang menjalankan latihan di industri kerana berdasarkan kepada min yang diperolehi memang mencatatkan dapatan yang tinggi. Dalam bahagian ini antara item yang mendapat persetujuan tertinggi adalah Keselamatan pelajar semasa menjalani latihan

Berdasarkan dapatan ini, memang terbukti wujud cabaran yang dihadapi oleh industri semasa melaksanakan program latihan WBL. Keputusan kajian ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Yahya (2008) program keselamatan dan kesihatan amat penting dan patut diamalkan kerana menjadi motivasi yang mendorong peningkatan produktiviti. Seharusnya keselamatan amat dititikberatkan semasa berada di industri dan ini menjadi cabaran kepada industri untuk mengamalkannya terhadap pelajar-pelajar. Seringkali keselamatan dan kesihatan tidak menjadi amalan yang utama.

Item-item lain yang turut mendapat persetujuan ramai adalah penyediaan kemudahan kepada pelajar seperti pekerja dan berusaha mendedahkan pelajar terhadap bidang kerja yang diperlukan.

KESIMPULAN

Dari segi motivasi utama penglibatan industri dalam program WBL yang telah dipilih ialah: a) penambahbaikan suasana kerja, dan b) ekonomi. Secara amnya pihak industri memberikan persetujuan bahawa mereka telah memilih

motivasi utama penglibatan industri. Ini dapat dilihat dari segi nilai R yang telah ditentukan dalam ringkasan model berdasarkan keutamaan yang ditunjukkan didapati kajian mendapat perhatian utama ialah penambahbaikkan suasana kerja (R=19.5%), diikuti dengan kombinasi penambahbaikkan dan ekonomi (R=12.9%). Namun demikian beberapa motivasi lain tidak menggalakkan industri untuk terlibat dalam program WBL.

Walaupun kajian ini terdiri dengan dua buah industri iaitu industri bersaiz kecil dan industri bersaiz besar, berdasarkan frekuensi yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan mendapati industri bersaiz kecil (73.3%) lebih berminat untuk terlibat berbanding industri bersaiz besar (26.7%) .

Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang bererti (signifikan) motivasi ekonomi dari segi keseluruhan di antara industri-industri yang terlibat. Walau bagaimanapun dari segi motivasi penambahbaikkan suasana kerja terdapat perbezaan. Hasil ujian T tidak bersandar menunjukkan terdapat perbezaan antara industri kecil dan industri besar dengan motivasi penambahbaikkan suasana kerja.

Dari segi cabaran penglibatan industri, kajian ini mendapati industri menghadapi beberapa cabaran yang memberi kesan kepada usaha yang menggalakkan penglibatan industri. Antara cabaran yang dihadapi oleh industri mengikut keutamaan adalah seperti berikut: a) menjaga keselamatan pelajar semasa latihan (min=4.10), b) berusaha mendedahkan pelajar terhadap bidang kerja yang diperlukan (min=4.03), c) jaminan tinggi kerana terlibat dengan manusia (min=3.40), d) pulangan modal yang rendah (min=3.07), e) kesediaan industri untuk menyediakan latihan program WBL (min=1.47) dan f) penyelia mengikut modul yang diberikan oleh kolej komuniti (min=1.48).

RUJUKAN

- Abdul Shukur Abdullah (2004). "Strategi Melahirkan Tenaga Kerja Manusia Bertaraf Dunia". Bengkel SKU/SKT. April 2004.
- Anuar Ahmad (2007). "Pelatihan Dan Pengambilan Tenaga Kerja." Kuala Lumpur.
- Ary. D. (2002). "Testing New Curriculum of Design of Manufacturability (DFM) in Technical Education." *Journal of Industrial Technology*, vol 20(4), hal 1-8.
- Bailey, T. dan Hughes, K. (1999). "Employer Involvement in Work Based Learning Programs." Columbia University : Tesis.
- Bahagian Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti : <http://jppkk.mohe.gov.my>.
- Bank Negara Malaysia (2003). "Kajian Pengangguran Di Malaysia". Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Benson, J.T. (2007). "Winsconsin Department of Public Instruction." Madison: Winsconsin.
- Best, J. dan Kahn, H. (1998). "Employment and Utilization of Paraeducators in Inclusive Settings". *The Journal of Special Education*. Bensalem: Vol.35, Iss. 1; pg. 54.
- Campbell, A. (2002). "Factors that Influence Winnipeg Employers to Participate in Post-Secondary Co-operative Education Programs in Technical Communication." University of Manitoba : Tesis

- Chua, Yan Piaw (2006). "Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan". Kuala Lumpur : McGraw-Hill Malaysia Sdn. Bhd.
- Culpepper, P.D. (1998). "Individual Choice, Collective Action, and the Problem of Training Reform: Insights from France and eastern Germany." Harvard University : Tesis.
- Curtis, P. (1986). "Graduate unemployment continues to rise." *Guardian Unlimited*. Diperolehi Oktober 8, 2005.
- Deissinger, T. (2001). "The German Dual System- a model for Europe." *ProQuest Education Journal* : 39 (8/9). dilayari pada 15 Oktober 2008, 1.30am
- Dr. Abdul Rahim Ahmad, Mohamad Asri Ahmad dan Hj Anuar Ismail (2007). "Community College Education Through Collaborative Engagement and Partnerships". Kuala Lumpur.
- Ebutt, T. (1996). "Work based learning and the academic workplace". New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Euler, K.(1998). "Technology and the Future of Work", Oxford University Press.
- Fanning, B. (2005). "The Change Agents Guide to Innovations in Education." New Jersey: Educational Technology.
- Finch, C. R. & Crunkilton, J. R. (1993). "Curriculum Development in Vocational and Technical Education; Planning, Content and Implementation 4th Edition." Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Fowler, C. (1998). "Introduction To Research Method. (Edisi 4)." Australia: Longman.
- Fullan, A. (1991). "5 Way Management.": The Industrial Society & Robert Hyde Square.
- Garnett, R. (1998). "Work Based Learning and the Intellectual capital of Universities and Employers." *The Learning Organization*, Volume 8, Number 2.
- Gay, V. (1996). "Research In Education." MA : Allyn and Bacon.
- generic competencies. *Journal of Workplace Learning* 17(4): 231-242.
- Glass, A., Higgins, K. dan McGregor, A. (2002). "Delivering Work Based Learning." University of Glasgow: Training and Employment Research Unit.
- Glover, D (1996). "Engaging Industry In Building School-To-Career Opportunities: United Kingdom.
- Green, G. P. (2005). "Work Based Learning in Rural America: Employer Participation in School To Work Programs and Apperenticeships." *Journal of Research in Rural Education*. 20(16).hlm
- Hart, H. dan Glick-Smith, J.L. (1994). "Training in Technical Communication : Ideas for a partnership between the academy and the workplace." *Technical Communication*, 41, 399-405.
- Harvie, C. dan Boon Chye Lee (2002). "Universiti Jadi Industri", Universiti Kebangsaan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Hughes, K.T., Moore, D.T. dan Bailey, T.R. (1999). "Work Based Learning and Academic Skills.": IEE Working Paper.
- Hussain, Kamarulafizam dan Mohd Najeb (2006). "Senario Penyelidikan di Malaysia : Rintangan dan Cabaran". Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Ismail Mohd Salleh (1989). "Masalah Pendidikan Teknik dan Vokasional." Dewan Masyarakat, Februari. Halaman 15-16.
- Jabatan Statistik Negara (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

- Jackson, W. (2008). "Training In British Industry." *Emerald Group*, Vol 50, No1.
- Kazis, B. dan Goldberger, C. (1995). "Training from Abroad." *ProQuest Educational Journal*, Vol 44.
- Kerlinger, F. N. (1986). "Foundations of behavioral research." Forth Worth. U.S.
- Kerlinger, K.N. (2000). " Foundation of Behavioral Research." 4th ed. California: United States.
- Khalid Johari (2004), "A study of Quality Assurance Practices in the university Sains Malaysia (USM). *Journal of Distances Education* 5 (1).
- Kitagawa, C. (1998). "Seneca College co-operative education : a three way partnership for assessing and developing students employability skills". Ottawa, ON: Conference Board of Canada.
- Klein, M. (1995). "Research Method in Education". London: Croom-Helm. UK.
- Kraemer, D. (1993). "The Dual System of Vocational Training in Germany." : *ProQuest Educational Journal*, Vol 41.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1981). "Determining Sample Saiz for Research; Educational and Pyshological Measurement". New York: Mc Graw-Hill.
- Lehmann, W. (2000). "Is Germany's Dual System Still a Model for Canadian Youth Lessons To Date From The Experience In Austin." Texas.
- Lewis. C.R. (1996). "*Curriculum Development In Vocational And Technical Education: Planning, Content, and Implementation.*" Boston: Allyn and Bacon.
- Loose, G. and Abdul Hakim Juri (2008). "Experience-Based Training for Malaysia: Private Sector Involvement in Training K-Workers".
- Machin, S. And Vignoles, A. (2001). "The Economic Benefits of Training to the Individual, the Firm and the Economy: The Key Issues, Centre for the Economics of Education".
- Majdan Daud (2002). "Technology And Vocational Technical Education, Globalization And Future Trends". Universiti Kebangsaan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Martin, J. (2004). "Work-Based Learning.": Cabell County Board of Education. Washington DC.
- Mc Neil, P.W., Kulick, C.D. (1995). "Employer's Role in School to-Work Opportunities." Academy for Educational Development, Washington DC: Proceeding Paper.
- Merriam. S.B. (1998). "Learning in adulthood: A Comprehensive guide". San Francisco: Jossey Bass.
- Metis Associates (1999). "Evaluation of the Nort Carolina Job Ready Initiative : Survey of Employer Apprenticeship Initiatives." Universiti Alberta
- Metzger, S.V. (2002). "Employer's perceptions of the benefits of college internship programs." *Dissertation Abstracts International*, 63(02), 463.
- Mills, V. dan Whittaker, S. (2001). "Work Based Learning in Scottish Higher Education : Policy and Practice" *Emerald Journal*, 8(02), 64-69.
- Mohd Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). "Reka bentuk tinjauan : Soal selidik pendidikan." Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd. Majid Konting (2004). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mori, G. (2000). "Adult Literacy in Scotland Draft Report": Scottish Executive.
- Morshidi Sirat (2006). "Industrial Training Practices in Malaysia Undergraduate-Engineering Programme. Kuala Lumpur.
- Nanthakumar, Mohd Najit, Mohd Nasir, Madzli Ahmad dan Zuha Rosufila (2004). "Factor Influencing Employer Attitudes Towards Vocational Education." Kertas kerja dibentangkan di Forum Pendidikan Vokasional Kebangsaan, Universiti Putra Malaysia, April 1986.56-60
- Noor Azlan (2003). "Reka Bentuk Dan Pengurusan Latihan-Konsep Dan Amalan." penjana kecemerlangan pendidikan." Kuala Lumpur.
- PPendidikan (2000). "Pembangunan Pendidikan 2001-2010: Perancangan bersepadu". Kuala Lumpur.
- Peter Drucker, J. (1999). "Living with technology". Albany, NY: Delmar Publishers, Inc.
- Quek, A.H. (2005). "Learning for the workplace: a case study in graduate employees": Thomson Learning.
- Reeve, F. dan Gallacher, J. (2000). "Researching the implementation of Work Based Learning within Higher Education : Questioning Collusion and Resistance." Open University and Glasgow Caledonian University: UK.
- Runyon, F. (1996). "Designing And Conducting Research." Boston: Allyn and Bacon.
- Schukert, S. (1993) "Towards a definition of work based learning." The Industrial Society & Robert Hyde Square.
- Shapiro, D. dan Iannozzi, K. (1998). "Benefits to bridging work and school Annual of the American Academy of Political and Social Science.
- Shapiro, D. (1999). "School-to-Work Partnerships and Employer Participation." Universiti Pennsylvania : Tesis
- Sidek & Othman, (2001). "Pertumbuhan Sektor Perkilangan dan Peranan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia." Kuala Lumpur.
- Smith, B., Blackwell, R. and Yorke, M. (2001). "Briefing of Work Based Learning." University of Surrey: Tesis
- Soo Wee Leng dan Juma'ayah (1997) "Effective Training in Malaysia Organization." Kuala Lumpur.
- Taylor, S. (2003). "Getting Employers Involved: Improving work based learning through employer links". Learning and skills development agency: Report and good practice guidelines.
- Thomas, H. (1990) "Education and The Employment Problem in Development Countries." Gahera: International Labour Office.
- Truitt, H. (1997). "Building work-based learning into the school curriculum.": New York.
- Uma Sekaran (2000). "*Research methods for business : A skill building approach* (4th ed.)". New York : John Wiley & Sons, Inc.
- Warnoh Katiman (2004). "Program Pendidikan Guru Teknik Dan Vokasional Yang Cemerlang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Wiersma, W. (1995). "Research methods in education : An introduction (6th ed.)". Massachusetts : Allyn and Bacon.
- Y.BHG. Dato' Haji Imran B. Idris (2008). "Memacu Politeknik & Kolej Komuniti Melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Yahya Buntat (2008). "Cabaran Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS) Membangunkan Modal Insan Seajar dengan Keperluan Sektor industr. Tesis Phd. Universiti Teknologi Malaysia.